

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
[SUBANG]**

SOALAN NO. 512

Y.B. TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah pembayaran/pembelanjaan Kerajaan Malaysia setahun terhadap kertas alat tulis dari segi jumlah, harga, dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menukar kepada kertas mesra alam seperti kertas FSC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah mewujudkan Kontrak Pusat bagi Pembekalan dan Penghantaran Kertas A4 Putih 80 gram per meter persegi (gsm) untuk Kementerian / Jabatan / Agensi Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Persekutuan di Semenanjung Malaysia sejak tahun 2016 dengan purata perolehan setahun sebanyak RM35,548,440.88. Pada masa ini, harga berdasarkan kontrak bagi satu (1) rim kertas A4 putih 80 gsm dengan 500 helai per rim ialah RM12.40.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kertas A4 Putih 80 gsm yang dibekalkan di bawah Kontrak Pusat ini adalah bersifat mesra alam dan telah mendapat penarafan hijau atau *MyHijau Mark* daripada Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (MGTC).